



## **PERADUAN MAGGI LEBIH MASAK LEBIH WANG WANG**

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. **Penganjur:**  
Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"].
2. **Promosi:**  
PERADUAN MAGGI LEBIH MASAK LEBIH WANG WANG ["Promosi"].
3. **Tempoh Promosi:**  
Promosi bermula jam 12:00tgh malam pada 01/01/2018 dan ditutup jam 11:59 malam pada 28/02/2018.
4. **Kelayakan:**  
Promosi ini terbuka kepada semua penduduk sah Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
5. **Kaedah Penyertaan:**
  - a. Setiap pembelian mana-mana produk MAGGI yang turut serta dengan tarikh luput 2018 dan selanjutnya dalam Tempoh Promosi akan melayakkan Peserta untuk menyertai Promosi. Sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] yang ditunjukkan dalam borang penyertaan Promosi untuk pembungkusan produk yang dikehendaki sebagai bukti pembelian untuk menyertai Promosi dan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Produk ["BP"]. Borang penyertaan Promosi boleh didapati di semua gedung yang turut serta dan di laman web Penganjur di: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my).
  - b. Peserta dikehendaki melengkapkan setiap borang penyertaan Promosi dengan butir-butir yang diperlukan, iaitu nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat, nombor untuk dihubungi /talian mudah alih dan menjawab dengan betul dua [2] soalan Betul atau Salah yang ditunjukkan dalam borang penyertaan ["Butir-Butir Dikehendaki"].
  - c. Borang penyertaan yang diisi dengan lengkap bersama BP mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar melalui pos biasa ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam borang penyertaan. Penyertaan yang diterima melalui khidmat penghantar surat, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau apa jua cara lain akan dibatalkan secara automatik.
  - d. Peserta boleh menghantar seberapa Penyertaan yang diinginkan tetapi setiap BP layak untuk satu [1] Penyertaan sahaja. Sampul surat yang mengandungi berbilang penyertaan dan/atau POP

akan dibatalkan. Salinan foto borang penyertaan Promosi yang kosong dan diisi secara original diterima.

6. **Tarikh Tutup Penyertaan:**

Semua borang penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 28/02/2018. Semua borang penyertaan Promosi yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.

7. **Hadiah Mingguan:**

- a. 50 Hadiah setiap minggu selama sembilan [9] minggu berupa Angpau tunai bernilai RM288 setiap satu.
- b. Tempoh mingguan bagi Hadiah Mingguan adalah seperti di bawah:

Minggu 1: 01/01 – 07/01/2018	Minggu 2: 08/01 – 14/01/2018
Minggu 3: 15/01 – 21/01/2018	Minggu 4: 22/01 – 28/01/2018
Minggu 5: 29/01 – 04/02/2018	Minggu 6: 05/02 – 11/02/2018
Minggu 7: 12/02 – 18/02/2018	Minggu 8: 19/02 – 25/02/2018
Minggu 9: 26/02 – 28/02/2018	

8. **Maklumat Pengadil – Hadiah Mingguan:**

- a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor-nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi menurut BP yang dikemukakan [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.
- b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah **889**, Penganjur akan mengira dan memilih Peserta sebagai finalis [“Finalis”] untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:
  - **Pemilihan Lima Puluh [50] Finalis bagi Hadiah Mingguan:**  $889 \div 50 = \underline{17.7}$ . Oleh sebab pembahagian 889 dengan 50 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 17.7 akan dibundarkan ke bawah kepada 17. Seramai 50 Peserta dengan Penyertaan Layak yang mendapat nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 17\*, 34\*, 51\*, 68, 85 dan seterusnya. [\*contoh pengiraan:  $\underline{17}$ ,  $17+17=\underline{34}$ ,  $34+17=\underline{51}$ ].

9. **Hadiah-hadiah Utama:**

- a. 3 Hadiah Utama berupa Angpau tunai bernilai RM38,888 setiap satu.
- b. Hadiah Bonus Tidak Terhad berupa Angpau tunai bernilai RM188 setiap satu.

10. **Maklumat Pengadil – Hadiah-hadiah Utama:**

- a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan satu [“1”] nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur

sebagai penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi menurut BP yang dikemukakan [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.

- b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Promosi ialah **8989**, Penganjur akan mengira dan memilih Peserta sebagai finalis [“Finalis”] untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:
- **Pemilihan tiga [3] Finalis bagi Hadiah Utama:**  $8989 \div 3 = \underline{2996.3}$ . Oleh sebab pembahagian 8989 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2996.3 akan dibundarkan ke bawah kepada 2996. Seramai 3 Peserta dengan Penyertaan Layak yang mendapat nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 2996\*, 5992\* dan 8988\*. [\*contoh pengiraan: **2996**,  $2996+2996=\underline{5992}$ ,  $5992+2996=\underline{8988}$ ].
  - **Pemilihan Finalis tidak had bagi Hadiah Bonus:** Setiap Peserta dengan Penyertaan Layak yang diperuntukkan nombor bersiri setiap ke-1000 akan dipilih sebagai Finalis: 1000\*, 2000\*, 3000\*, 4000, 5000, 6000 dan seterusnya. [\*contoh pengiraan: **1000**,  $1000+1000=\underline{2000}$ ,  $2000+1000=\underline{3000}$ ].

#### 11. **Syarat-syarat Tambahan:**

- a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih menerusi nombor untuk dihubungi /talian mudah alih yang dinyatakan dalam Penyertaan Layak yang diterima Penganjur. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.
- b. Setiap Peserta boleh memenangi hanya satu [1] Hadiah Utama, maksimum dua [2] Hadiah Mingguan dan jumlah Hadiah Bonus yang tidak terhad sepanjang Tempoh Promosi.
- c. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 28/02/2018 ke alamat yang dinyatakan dalam Penyertaan Layak yang diterima Penganjur.

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi** yang boleh didapati di [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my).

Saya ingin menerima maklumat pemasaran dan Promosi masa depan tentang produk, perkhidmatan dan acara Penganjur pada masa depan.

Talian Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433.

### **TERMA DAN SYARAT UMUM**

## **Terma dan Syarat**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

### **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan

atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:
- (b) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

### **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**  
Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
- (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**  
Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan

daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, anda anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan Promosi bagi tujuan Promosi. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik



anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemrosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.

- 12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi.
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>.

Atau

- Hubungi kami: 1-800-88-3433.

- 12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Promosi dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
- 12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy). Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

## **12. Privacy Notice**

- 12.1 By participating in the Promotion, You consent for Nestlé Products Sdn. Bhd. and any of its holding, subsidiary or related companies as defined in the Companies Act 2016 ("Nestlé Malaysia Group") and service providers, agents and contractors who provide administrative and business support to us and act on our behalf ("Authorised Third Parties") (collectively "Organiser", "us", "we" or "our") to process your personal information provided in the

Promotion entry form for purposes of the Promotion. This includes disclosing your name to the general public when you become a winner in a contest or participate in our events by publishing your name, photographs and other personal information without compensation for advertising and publicity purposes.

- 12.2 The Organiser may also use your personal information for purposes of contacting and sending to you marketing and promotional information or materials about our products, services, samples, any promotions, events or contests organised by the Organiser. Please indicate your option on the form if you agree to the use of your personal information for this purpose.
- 12.3 In the event that you agree to share and disclose personal information of a person whom you intend to refer to the Organiser, you acknowledge that you have obtained the consent of that person to share and disclose his/her personal information to us and to being contacted by us.
- 12.4 In respect of minors or individuals not legally competent to give consent, you confirm that they have appointed you to act for them and, to consent on their behalf to the processing of their personal information in accordance with this privacy notice.
- 12.5 At times the Organiser may retain Authorised Third Parties to process your personal information. All such Authorised Third Parties are contractually bound to take reasonable measures to keep information secure and not to use your personal information in any way other than that which is specified here and in our privacy policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 12.6 The Organiser is a global company and your personal information may be transferred across borders. The Organiser will ensure that the country your data is transferred to has a similar or equivalent personal information protection laws in place, as set out in our privacy policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 12.7 To the extent that the applicable law allows, you have the right to request for access to, request for a copy of, request to update or correct, your personal information held by us.

All your written requests or queries should be addressed to:

- Contact: Personal Data Protection Officer
- Address: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Or

- Webform: <https://www.nestle.com.my/contactus>.
- Call us: 1-800-88-3433.

- 12.8 Please note the Organiser requires your personal information in order to process your participation in the Promotion, without which we will not be able to process your application.

12.9 For a more detailed description of our privacy practices, please refer to our Privacy Policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy). We reserve the right to update and amend this privacy notice or our privacy policy from time to time.